

KESAN PELAKSANAAN SOLAT TERHADAP AKHLAK MUKALLAF MENURUT AL-QURAN DAN AL-HADITH

Suhaimi Abu Hassan, Mohd Azam Yahya, Ahmad Faqih Ibrahim

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

suhaimi@kuim.edu.my

ABSTRAK

Solat merupakan tiang agama yang mana ibadat solat adalah sebesar-besar ibadah yang mendekatkan diri hamba dengan tuhannya dan mampu mendidik akhlak manusia kepada keperibadian yang tinggi. Kajian ini dijalankan adalah untuk menilai keberkesanan pelaksanaan solat terhadap akhlak mukallaf menurut al-Quran dan al-Hadith. Metod kajian ini menggunakan kualitatif yang melibatkan kaedah pengumpulan data daripada sumber al-Quran dan al-Hadith serta kajian-kajian lepas. Hasil kajian ini mendapatkan kesan ibadah solat dalam pembentukan akhlak mukallaf lebih khusus boleh didapati melalui beberapa proses seruan azan, melalui amalan kewajipan berwuduk, melalui perlakuan amali solat, pergerakan rukuk dan sujud, melalui rukun tertib dan ta'minah, pembacaan rukun qawli dan berzikir, penjagaan waktu solat, kewajipan menutup aurat serta berpakaian.

Kata kunci: pelaksanaan solat, mukallaf, akhlak

THE EFFECTIVENESS OF PERFORMING PRAYERS ON THE MORALITY OF THE MUKALLAF ACCORDING TO THE QURAN AND AL-HADITH

ABSTRACT

Prayer is a pillar of religion in which prayer is a mass of worship that brings the servant closer to his god and is capable of educating human morals to a high degree of personality. The purpose of this study is to evaluate the effectiveness of performing prayers on the morality of the mukallaf according to the Quran and al-Hadith. This method of qualitative research involves methods of data collection from sources of Quran and al-Hadith as well as previous studies. The results of this study found that the effect of prayer worship in the formation of more specific mukallaf morals can be found through several call-to-call processes, through the practice of prayerful duties, through the practice of prayer, bowing and prostration, through order and piety, recitation of qawli and meditation, prayer time care, the obligation to covering the aurah and proper attire.

Keywords: performing prayer, mukallaf, morals

PENGENALAN

Solat merupakan ibadat yang agung dalam Islam dengan kemuliaan pensyariatanNya melalui Isra’ dan Mikraj Rasulullah SAW bertemu Allah berbanding ibadat-ibadat yang lain seperti puasa, haji dan lain-lain. Ini menunjukkan bahawa ibadah solat itu terlalu istimewa di sisi Allah swt (Anisah Ab. Ghani, 2001).

Solat telah ditaklifkan (pertanggungjawabkan) kepada mukallaf dan kewajipan itu tidak gugur selagi mana dinamakan sebagai mukallaf. Jika ibadah soalatnya baik serta diamalkan dengan penuh kesempurnaan merangkumi aspek rukun, syarat, kefahaman serta penuh khusyuk, ianya akan dapat mencegah diri seseorang dari perbuatan keji dan mungkar. Firman Allah SWT :

اَتُلِّ مَا اُوْحِيَ إِلَيَّكَ مِنَ الْكِتَبِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الْصَّلَاةَ
تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ ۚ

Terjemahannya: *Bacalah serta ikutlah (wahai Nabi Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya) dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.* (Surah al-Ankabut ayat 45)

Justeru itu, amalan solat seseorang itu mampu menjadi perisai dan benteng yang kebal dalam menghadapi fitnah, kemungkaran, kejahatan dan hasutan syaitan. Seseorang itu akan merasakan Allah SWT sentiasa mengawasi dan memerhatikan tingkah lakunya sehingga dapat menjauhkan dirinya dari segala bentuk kemungkaran serta menjaga dirinya dari perkara-perkara yang negetif (Mustafa Masyhur, 1987: 130).

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian merupakan kaedah yang sistematik untuk menyelesaikan permasalahan kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah pengumpulan data. Kajian kualitatif ini juga bertujuan menilai kesan pelaksanaan solat terhadap akhlak mukallaf menurut al-Quran dan al-Hadith.

PENGUMPULAN DATA

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah kajian kepustakaan (library research). Ia diperolehi daripada hasil penulisan dan dokumen bertulis yang dapat

memberikan keterangan dan digunakan sebagai bukti yang sahih tentang suatu kenyataan. Ini merangkumi sumber-sumber dalam bentuk dalil dari al-Quran, hadith, buku-buku, jurnal, disertasi, prosiding seminar, kertas kerja dan laman web. Data yang diperolehi dihimpun, dikaji dan menjadi panduan dalam mengenalpasti kesan pelaksanaan solat terhadap akhlak mukallaf menurut al-Quran dan al-Hadith.

TINJAUAN

Dalil-Dalil Pensyariatan Tentang Perintah Solat

Terdapat beberapa dalil yang menunjukkan kepada mendirikan solat terhadap mukallaf di dalam al-Quran, antaranya firman Allah taala :

- i. Surah al-Baqarah ayat 43

وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكَوَةَ وَأْرْكَعُوا مَعَ الْرُّكِعَيْنَ
٤٣

Terjemahannya: *Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.*

- ii. Surah al-Baqarah ayat 45

وَاسْتَعِنُو بِالصَّبَرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَشِعِينَ
٤٥

Terjemahannya : *Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusuk;*

- iii. Surah al-Maidah ayat 58

وَإِذَا نَادَيْتُم إِلَى الصَّلَاةِ أَتَخُذُوهَا هُزُوا وَلَعِبْنَا ذَلِكَ
بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْقُلُونَ
٥٨

Terjemahannya: *Dan apabila kamu menyeru (azan) untuk mengerjakan sembahyang, mereka menjadikan sembahyang itu sebagai ejek-ejekan dan permainan. Yang demikian itu ialah kerana mereka suatu kaum yang tidak berakal.*

iv. Surah al-Rum ayat 17-18

فَسُبْحَنَ اللَّهُ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ ۖ ۱۷ وَلَهُ
الْحَمْدُ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ تُظَهَّرُونَ
۱۸

Terjemahannya: (*Setelah kamu mengetahui yang demikian) maka bertasbihlah kepada Allah semasa kamu berada pada waktu malam dan semasa kamu berada pada waktu subuh. Serta pujiyah Allah yang berhak menerima segala puji (dari sekalian makhlukNya) di langit dan di bumi dan juga (bertasbihlah kepadaNya serta pujiyah Dia) pada waktu petang dan semasa kamu berada pada waktu zuhur.*

v. Surah al-Nisa’ ayat 103

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَاذْكُرُوا اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ
جُنُوبِكُمْ فَإِذَا أَطْمَأْنَتُمْ فَاقْمِمُوا الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ
عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا ۝ ۱۰۳

Terjemahannya : *Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.*

Dalam hadith jaga disebut berkaitan perintah mendirikan solat antaranya ialah :

i. Riwayat daripada Abdullah bin Umar RA

عَنْ أَبْنَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ (ص) بَنِي إِسْلَامٍ
عَلَىٰ خَمْسٍ شَهَادَةٌ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَأَيْتَاءَ الزَّكَاةِ وَحَجَّ الْبَيْتَ وَالصُّومُ رَمَضَانَ

Terjemahannya : *Diriwayat daripada Abdullah bin Umar r.a berkata Rasulullah s.a.w bersabda : Islam dibina atas lima (rukun) . Bersaksi bahawasanya tiada tuhan selain Allah dan*

Mhammad adalah hambanya dan rasulnya, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan berpuasa pada bulan Ramadhan.

- ii. Hadith peristiwa Isra' yang terdahulu dan hadith Rasulullah SAW daripada Ibnu Abbas RA, Muaz RA diutuskan ke Yaman dan Nabi bersabda :

ادعهم الى شهادة أن لا إله الله وإنى محمدا رسول الله فان هم
اطاعوا لذلك فاعلمهم أن الله قد افترض عليه خمس صلوات في
كل يوم وليلة

Terjemahannya: *Serulah mereka bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya selain Allah, dan aku Muhammad ialah utusan Allah. Jika mereka patuh beritahulah mereka bahawa Allah telah mewajibkan mereka lima kali solat sehari semalam.*

- iii. Hadith seterusnya menjawab pertanyaan seorang Arab Badwi tentang solat yang wajib atasnya, baginda Nabi SAW bersabda :

خمس صلوات في اليوم والليلة فقال الأعربي هل علي
غيرها. قال : لا, إلا أن تطوع

Terjemahannya : “*Lima kali solat sehari semalam.*” Arab Badwi bertanya lagi : *Adakah selain daripada itu? Rasulullah SAW menjawab “tiak ada, kecuali engkau melakukan solat sunnat”*

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Melalui perlaksanaan solat sehari-hari, Allah taala mahu mendidik manusia dalam pembentukan akhlak yang baik bagi memastikan Islam sentiasa dipandang tinggi oleh agama-agama yang lain.

Sebagai contohnya, melalui solat mampu membentuk sifat sabar kerana seseorang yang ingin melakukan solat hendaklah sentiasa bersusah payah bagun seawal pagi untuk menuaikan solat subuh, memberhantikan kerja-kerja sehari-hari bagi memberi laluan kepada ibadat solat zohor dan asar, ketika keletihan iaitu pada waktu yang kerja terpaksa melaksanakan ibadat solat maghrib dan isyak. Justeru itu, hanya mereka yang mempunyai kesabaran yang tinggi sahaja mampu melaksanakan ibadah tersebut dengan sempurna. Firman Allah taala yang mengaitkan ibadah solat dengan sabar antaranya :

يَٰٰيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُواْ أَسْتَعِنُوْا بِالصَّبَرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Terjemahannya : Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar. (Surah al-Baqarah : 53)

Melalui sifat sabar yang tinggi ini, manusia dapat lahirkan sifat-sifat yang lain seperti istiqamah, gigih, teliti, berhati-hati dalam perlakuan, amanah, menepati masa dan sifat-sifat baik yang lain.

Di samping itu juga, kesan ibadah solat dalam pembentukan akhlak secara lebih khusus boleh difahami melalui beberapa proses persediaan dan pelaksanaan amali solat seorang muslim sehari-hari. Melalui persedian dan pelaksanaan solat itu sendiri akan memberi kesan yang baik selepas pelaksanaannya seperti ketika laungan azan berkumandang, ketika mengambil wuduk, berdiri ketika solat, bacaan-bacaan wirid dalam solat, rukuk, sujud dan lain-lain jika dilakukan dengan sempurna.

1. Kesan Akhlak Terhadap Seruan Azan

Ketika azan berkumandang lagi mampu memberi kesan yang baik pada diri seorang muslim sekiranya dapat difahami dengan baik lafaz kalimahnya. Di antara kesan baik azan dalam pembentukan ibadah mampu menjaukan manusia dari syaitan (kemungkar). Nabi SAW bersabda:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِذَا نُودِيَ بِالْأَذَانِ
أَدْبَرَ الشَّيْطَانُ لِهِ ضِرَاطٌ حَتَّى لا يَسْمَعَ الْأَذَانَ فَإِذَا قُضِيَ
الْأَذَانُ أَقْبَلَ فَإِذَا ثُوبَ بِهَا أَدْبَرَ فَإِذَا قُضِيَ التَّوْبَةُ أَقْبَلَ
يَخْطَرُ بَيْنَ الْمَرْءَ وَنَفْسِهِ يَقُولُ : اذْكُرْ كَذَا لَمْ يَذْكُرْ حَتَّى
يَظْلِمَ لِرَجُلٍ أَنْ يَدْرِي كَمْ صَلَّى.

Terjemahannya: Apabila dise^ق untuk menunaikan sembahyang (azan) maka larilah syaitan lintang pukang sampai terkentut sehingga dia tidak mendengar azan tersebut. Apabila selasai azan itu, ia dating semula dan apabila dilaungkan iqamah larilah syaitan itu menganggu manusia dan hatinya (was-was) syaitan membisik kepadanya supaya ingtikan itu dan ini sedangkan tidak pula ia teringat perkara tersebut sebelum sembahyang sehingga orang itu tidak mengetahui berapa rakaat telah dilakukan dalam solatnya.

Udah Mohsin (1986) menyatakan tentang hadith ini, untuk memberi kesan kepada akhlak yang baik dan mulia melaui seruan azan tersebut, sikap menghormati dan menghayati setiap lafaz-lafaz azan. Malahan maksud yang ingin disampaikan oleh *muezzin* (orang yang mengazankannya) itu sendiri memberi masej yang jelas bahawa muslim yang solat adalah muslim yang menuju kepada kejayaan di dunia dan di akhirat. Selain itu jugak, menyegerakan solat selepas mendengar azan adalah amalan yang baik mampu mendidik diri muslim tersebut sikap berdisplin yang tinggi.

2. Kesan Akhlak Melalui Berwuduk Dengan Sempurna

Wuduk adalah salah satu pensyariatan di dalam Islam lambangkan kesucian diri setiap muslim. Dalam Kamus Dewan (2002), perkataan wuduk ialah perbuatan yang menyucikan diri dengan mengambil air sembahyang dan menjadi syarat utama sahnya ibadah solat. Selain itu, wuduk bukan sahaja mampu membersihkan diri secara lahiriah (luaran) malah ia mampu memberi kesucian pada batin (dalaman) pengamalnya. Dari aspek luaran, apabila seorang itu berwuduk mereka akan membersihkan anggota-anggota rukun wuduk seperti muka, kedua-dua belah tangan, bahagian kepala serta kedua-dua belah kaki. Firman Allah taala dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قَمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوْا وُجُوهُكُمْ
وَأَيْدِيْكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلُكُمْ إِلَى
الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُبْنًا فَاطْهَرُوْا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَى أَوْ
عَلَى سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمْسُتُمُ النِّسَاءَ
فَلَمْ تَجْدُوا مَاءً فَتَمَمُّوْا صَعِيدًا طَيْبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ
وَأَيْدِيْكُمْ مِنْهُ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ
يُرِيدُ لِيُطْهِرَكُمْ وَلِتُنْتَمْ نَعْمَلَةً عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali; dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib; dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam pelayaran, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah - debu yang bersih, iaitu: sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah - debu itu. Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Ia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu bersyukur. (Surah al-Maidah ayat 6)

Manakala dari segi batin (dalaman) perlakuan membasuh anggota wuduk seperti yang syariatkan oleh Islam memberi isyarat kepada penyucian diri daripada dosa-dosa yang dilakukan oleh mata, lidah, tangan, fikiran, kaki. Amalan berwuduk mampu memberi kesan pembentukan akhlak yang mulia kepada pengamal secara hakikatnya.. Menurut Udah Mohsin (1986) ianya memberi banyak hikmah dan mampu menghasilkan peribadi yang mulia. Setiap anggota tubuh badan yang berwuduk mampu menggugurkan dosa-dosa yang ada pada orang yang berwuduk setiap kali dia melakukannya. Nabi SAW bersabda yang diriwayatkan ole Imam Ahmad :

عَنْ أَبِي مُسْلِمَ التَّغْلِبِيِّ قَالَ دَخَلْتُ عَلَى أَبِي أَمَامَةَ وَهُوَ
فِي الْمَسْجَدِ فَقُلْتُ يَا أَبَا أَمَامَةَ إِنَّ رَجُلًا حَدَثَنِي نَمَكَ اِنْكَ
سَمِعَتْ رَسُولَ اللَّهِ (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) يَقُولُ : مَنْ تَوَضَأَ فَاسْبَغَ
الْوَضُوءَ غَسْلَ يَدِيهِ وَوَجْهِهِ وَمَسَحَ عَلَى رَأْسِهِ وَأَذْنَبِيهِ ثُمَّ
قَامَ إِلَى صَلَاةٍ مَفْرُضَةٍ غَفَرَ اللَّهُ لَهُ فِي ذَلِكَ الْيَوْمِ

Terjemahnyanya: *Diriwayatkan daripada Abu Muslim Taglibi RA katanya: saya menemui Abu Umamah RA sesama beliau berada di masjid. Saya bertanya kepadanya : Wahai Abu Umamah, sesungguhnya seorang lelaki telah beritahu kepada saya bahawa kamu telah mendengar dari Rasulullah SAW bersabda : ssiapa yang mengambil wuduk dengan sempurna, membasuh kedua tangannya, membasuh mukanya, menyapu kepalanya serta kedua telinganya dan kemudian dia mendirikan solat fardu, maka Allah akan mengampunkan segala dosa-dosa yang telah dia alkukan pada hari tersebut.*

Justeru itu, setiap kali seseorang itu berwuduk dengan sempurna, setiap itulah anggotanya akan dalam keadaan suci bersih zahir dan batin. Selain itu juga, apabila seseorang itu menyucikan dirinya dari dosa, akan melahirkan sifat muslim yang bertaubat kepada Allah taala. Akhlak taubat ialah menyesali segala perbuatan negetif yang dilakukan dan berazam untuk tidak mengulanginya.

Jadi apabila seseorang itu berwuduk setiap kali untuk solat, ini bermakna seseorang itu sentiasa menjaga kesucian zahir dan batin disamping menjadikan insan yang bertaubat.

3. Kesan Akhlak Terhadap Rukun Perbuatan Solat

Rukun *fe’li* merupakan pergerakan asas yang wajib dilakukan dalam perlakuan solat seperti berdiri, rukuk, i’tidal, sujud, duduk antara dua sujud dan tahiyyat yang sempurna. Setiap muslim yang bersolat perlu menjaga keterbatasan dan tingkah lakunya agar solat sah dan sempurna. Sikap berhati-hati dalam setiap pergerakan akan mendatangkan hasil dan kesan yang baik sepertimana dikehendaki oleh syarak. Firman Allah taala:

حَفْظُوا عَلَى الصَّلَاةِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَىٰ وَقَوْمُوا بِاللهِ قَنْتِينَ

Terjemahannya: *Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardu, khasnya sembahyang Wusta (sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk.* (Surah al-Baqarah ayat 238)

Apabila dinilai kembali, sikap berhati-hati dalam setiap pergerakan itu mampu melahirkan sikap manusia yang bertanggungjawab dan beramanah dalam melakukan sesuatu pekerjaan sehari-hari. Muslim tersebut bukan sahaja akan sentiasa menjaga tindak tanduk dan kelakukan yang baik dengan Tuhan mereka sahaja dalam solatnya malah mampu menjaga tingkah laku diluar solat sesama manusia seperti ibu bapa, keluarga, jiran dan masyarakat sekeliling kerana mereka paham kesan tingkah laku manusia akan dipersoalkan di akhirat kelak di hadapan Allah. Firman Allah taala :

الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشَهِّدُ أَرْجُلُهُمْ
بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Terjemahannya : *Pada waktu itu Kami meteraikan mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan.* (Surah yasin ayat 65)

4. Kesan Akhlak Melalui Pergerakan Rukuk Dan Sujud Secara Khusus

Rukuk dan sujud merupakan sebahagian rukun *fe'li* (perbuatan) di dalam solat. Sepertimana kita ketahui sebelum ini, pergerakan rukun *fe'li* ini mampu memberi kesan pembentukan sikap berhati-hati dalam tingkah laku sehari-hari manusia.

Selain itu juga, rukuk dan sujud ini melambangkan kerendahan hati hamba terhadap Penciptanya sebab ketika rukuk dan sujud, manusia perlu mengambarkan dalam hati Zat Allah taala yang Maha Sempurna. Apabila perlakuan ini kerap kali diulang-ulang dalam solat hati seorang hamba yang solat mampu merasakan kesempurnaan sifat Allah yang Maha tinggi sehingga hamba yang bersolat ini mampu membuang sifat mazmumah hati seperti takabbur (membesar diri). Begitu juga sifat-sifat yang lain seperti riak atau menunjukkan-jukkan dalam sesuatu hal amalan, sifat ujub merasakan dirinya hebat dan sebagainya. Firman Allah taala:

اللَّهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تَبْدُوا مَا فِي أَنفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِّبُكُمْ بِهِ اللَّهُ فَيَعْلَمُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Terjemahannya : Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu memyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu. Kemudian Ia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan menyeka sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (Surah al-Baqarah ayat 284)

Ayat di atas menunjukkan hebatnya Allah Maha Sempurna dan membandingkan kebijaksanaan Allah berbanding makhluknya yang serba kekurangan. Ketika rukuk dan sujud inilah manusia akan rasa kehambaan melalui lahirnya sifat bersih hati, ikhlas dalam melakukan amalan seharian.

5. Kesan Akhlak Melalui Rukun Tertib Dan Ta'minah

Tertib dalam setiap rukun merupakan salah satu rukun solat yang membawa makna berturutan. Ianya adalah menjadi satu kewajipan dalam perlakuan solat kerana menunjukkan syariat solat mempunyai aturcara yang perlu ditaati oleh setiap pengamalnya sebagai contoh bermula perlakuan solat dari takbiratul ihram kemudian diikuti dengan membaca fatihah kemudian rukuk, i'tidal dan seterusnya mengikut susunan yang dikendaki syarak tidak boleh melangkaui rukun-rukun yang lain tanpa mengikut tertib. Manakala *ta'minah* pula bermaksud bertenang sementara di antara pergerakan rukun kepada rukun yang lain pada tempuh yang tertentu.

Tertib dan *ta'minah* ini sangat dititik beratkan di dalam solat kerana syariat solat khususnya mengambarkan setiap pergerakan dan perlakuan manusia perlu dilakukan dengan tenang dan tersusun mengikut susunan dan perancangan yang telah ditetapkan oleh Allah taala. Selain mengetahui Allah taala merupakan Hakim (Pembuat hukum) dan merancang setiap apa yang berlaku di bumi ini malahan seorang muslim perlu berhati-hati dan tidak tergopoh-gapah dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Justeru itu perancangan yang rapi disusuli tindakan yang tenang tidak melulu dan tidak melampau adalah perkara yang dipuji syarak, firman Allah taala :

كَبُرَ مَقْتَنَا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ

Terjemahannya: Amat besar kebenciannya di sisi Allah, kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya. (Surah al-Saff ayat 3)

6. Kesan Akhlak Melalui Rukun *Qawli* (Perkataan) Dan Bacaan Zikir Dalam Solat

Kesempurnaan amali solat bukan sahaja pada rukun *fe'li* semata-mata, malahan disusuli dengan rukun-rukun *qawli* yang lain contohnya bacaan surah al-Fatiyah ketika berdiri pada setiap rakaat, bacaan tasyiatul akhir serta bacaan-bacaan sunat dan zikir seperti bacaan ketika rukuk, sujud dan pergerakan yang lain dalam bahasa arab seperti yang telah disyariatkan oleh Islam. Maka jika dibaca dengan terjemahan, solat tersebut tidak sah dan terbatal (Dr. Mustafa Khin, Dr. Mustafa Bugha dan Ali Syirbaji, 2013).

Selain daripada larangan bercakap-cakap di dalam solat, seorang muslim yang mendirikan solat perlu menjaga lisan dan pertuturnya supaya solat itu sentiasa dalam keadaan solat. Hasil daripada perintah ini mampu melahirkan seorang yang sentiasa menjaga lidah dan percakapannya supaya tidak bercakap pada perkara-perkara yang tidak dikehendaki syarak seperti menghina, memaki, merendah-rendahkan orang lain dan sebagainya. Firman Allah taala :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَىٰ أَنْ يُكُونُوا
خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّنْ نِسَاءٍ عَسَىٰ أَنْ يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا
تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَازِعُوا بِالْأَقْبَطِ بِشَسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ
الْأَيْمَنِ وَمَنْ لَمْ يَتْبِ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ يَا يَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا
أَجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظُّنُنِ إِنَّ بَعْضَ الظُّنُنِ إِثْمٌ وَلَا تَجْسِسُوا
وَلَا يَغْتَبْ بَعْضُكُمْ بَعْضًا أَيْحُبْ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ
أَخِيهِ مَيِّتًا فَكَرِهُنْمُوَهُ وَأَنْقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَابٌ رَّحِيمٌ

Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keibaian setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim. Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan

keibaan orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani. (Surah al-Hujurat : 11-12)

Perlaksanaan solat ini mampu menjadikan seseorang itu muslim yang sentiasa beradab santun dalam menuturkan percakapannya sesama yang lain serta berpesan-pesan ke arah kebaikan dan mencegah kejahanan, sentiasa berzikir adalah perkara yang dipuji oleh syarak. Firman Allah taala:

اَذَا جَاءَ نَصْرٌ اِلَّهُ وَالْفَتْحُ وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اِلَّهِ
أَفْرَاجًا فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْهُ اِنَّهُ كَانَ تَوَابًا

Terjemahannya: Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan (semasa engkau wahai Muhammad berjaya menguasai negeri Makkah). Dan engkau melihat manusia masuk dalam ugama Allah beramai-ramai, Maka ucapkanlah tasbih dengan memuji Tuhanmu dan mintalah ampun kepadaNya, sesungguhnya Dia amat menerima taubat. (Surah al- Asr ayat 1- 3)

Justeru itu dengan solat, manusia akan dididik dalam pertuturan sehari selaras dengan apa yang dikehendaki oleh syarak sehingga melahirkan manusia yang beradap dan bersopan santun.

7. Kesan Pembentukan Akhlak Melalui Penjagan Masa

Dalam al-Quran Allah taala menegaskan pelaksanaan solat fardu sehari dengan menetapkan waktu tertentu seperti waktu subuh, zohor, asar, maghrib dan isyak berdasarkan firman Allah taala:

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَادْكُرُوا اِلَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِكُمْ
فَإِذَا أَطْمَأْنَتُمْ فَاقْبِلُوا الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى
الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا

Terjemahannya: Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk, dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu

ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya. (Surah al-Nisa' ayat 103)

Justeru itu, setiap waktu solat fardu itu telah ditetapkan oleh syarak mengikut masa yang tertentu dan kadar masa yang berbeza-beza. Sebelum disyariatkan perintah solat kepada manusia, Allah telah menetapkan dan membezakan waktu dalam sehariannya contohnya waktu zohor bermula apabila tergelincirnya matahari ke sebelah barat dan ianya berakhir waktu apabila baying-bayang sesuatu objek dibawah sinaran matahari lebih panjang dari ukuran asalnya dan lepas waktu tersebut dikira sebagai waktu asar. Perintah solat perlu dilakukan ketika waktu yang telah ditetapkan bagi menentukan sahnya dan sempurna solat fardu tersebut.

Apabila seorang muslim menjaga solatnya pada waktu yang telah ditetapkan, ini bermakna muslim tersebut sifat menjaga masa atau ketepatan masa dapat dibentuk. Secara tidak langsung dapat melahirkan sifat-sifat yang positif seperti bertanggungjawab pada menyelesaikan tugasnya, menepati janji serta amanah dalam melaksanakan tugas. Sifat-sifat ini ada hubungannya dengan penjaan waktu.

8. Kesan Pembentukan Akhlak Melalui Berpakaian

Dalam solat juga menitik beratkan berkaitan pemakaian kerana ia termasuk antara syarat sah solat iaitu menutup aurat. Firman Allah taala:

﴿يَبْنِيَ عَلَمَ خُنُوا زِينَتُكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُّوا وَأَشْرُبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ﴾

Terjemahannya: Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampaui; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas. (Surah al-A'raf ayat 31)

Menurut Ibnu Abas ra dalam kitab *Fiqh Manhji*, dalil di atas menerangkan perintah menutup aurat ketika solat bagi lelaki muslim dengan had wajib minimumnya antara pusat sehingga lutut, manakala had wajib tutup aurat wanita ketika solat ialah seluruh badan wanita kecuali di bahagian muka dan ke dua tapak tangan (Dr. Mustafa Khin *at.all*, 2013). Kewajipan menutup aurat ini bukan sahaja diwajibkan ketika pelaksanaan solat sahaja, malah kewajipan ini ditetapkan juga selepas waktu solat juga kerana ia melambangkan penjagaan maruah muslim yang tinggi. Firman Allah taala:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضِضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ

عَلَىٰ حُيُّبِهِنَّ وَلَا يُتَدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِعُوْلَتِهِنَّ أَوْ ءَابَائِهِنَّ أَوْ
ءَابَاءِ بُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ
أَبْنَاءِ بُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ اخْوَنَهُنَّ أَوْ بَنِي اخْوَنَهُنَّ أَوْ مَا مَلَكُ
أَيْمَنُهُنَّ أَوْ التَّبَعِينَ غَيْرِ أُولَئِي الْأَرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوْ الْطَّفَلِ
الَّذِينَ لَمْ يَظْهِرُوا عَلَىٰ عَوْرَتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبُنَّ بِأَرْجُلِهِنَّ
لِيَعْلَمَ مَا يُخْفِيَنَّ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوَبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ
الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Terjemahannya : Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya. (Surah al-Nur ayat 31)

Secara tidak langsungnya, seorang muslim yang mendirikan solat wajib memenuhi tuntutan syarak dengan menutup aurat dengan sempurna dan menjadikan muslim tersebut sentiasa menjaga maruah, kehormatannya sebagai memenuhi perintah Allah taala yang agung serta mengelakkan dirinya diganggu dari kejahatan. Firman Allah taala:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُل لِّإِرْوَاجَكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يُذَنِّيْنَ
عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلِيبِهِنَّ ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ يُعْرَفَنَ فَلَا يُؤْدِيْنَ وَكَانَ اللَّهُ
غَفُورًا رَّحِيمًا

Terjemahannya : Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaianya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan

itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Surah al-Ahzab ayat 59)

Suruhan menutup aurat juga dapat mendidik diri manusia dalam kehidupan sehari-hari bagi memelihara kemaluannya dari melakukan kemaksiatan kepada Allah seperti zina. Firman Allah taala :

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ حَشِعُونَ

Terjemahannya : Sesungguhnya berjayaalah orang-orang yang beriman, Iaitu mereka yang khusuk dalam sembahyangnya; (Surah al-Mukminun ayat 1-2)

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَفِظُونَ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُتْ
أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ

Terjemahannya: *Dan mereka yang menjaga kehormatannya, Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela.* (Surah al-Mukminun ayat 5-6)

Selain dari menjaga maruah diri muslim melalui penjagaan aurat pakaian muslim, tahap kebersihan juga diambil kira oleh syarak ketika pelaksanaan solat dalam menentukan sah atau batal. Dalam Islam kebersihan pakaian, diri dan tempat solat hendaklah suci daripada segala sebarang najis bagi memastikan kesempurnaan dan objektif solat tercapai. Firman Allah taala:

﴿يَبْنِي عَلَيْمَ حُذْنَا زِينَتُكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُّوا وَأَشْرَبُوا
وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ﴾

Terjemahannya: *Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampaui; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.* (Surah al a'raf ayat 31)

Ini menggambarkan apabila seseorang itu sentiasa solat mengikut waktunya, mendidik seseorang itu sentiasa menjaga kebersihan luaran dan dalaman daripada sebarang najis. Kebersihan ditekankan oleh Islam sehingga mampu membersihkan sifat kerohanian yang tinggi pada pengamalnya.

KESIMPULAN

Telah dibuktikan dalam dalil-dalil yang muktabar seperti al-Quran dan dikuatkan menerusi al-Hadith membuktikan peranan perintah solat yang berkualiti dan dilakukan dengan sempurna seharian mampu menentukan pembentukan akhlak mukallaf yang lebih baik. Kesan ini dapat dilihat bukan sahaja melalui zahir semata-mata tetapi juga dapat dilihat dari keberkesanannya tingkah laku makallaf kepada ketaatan perintah Allah s.w.t secara hakikatnya.

Justeru itu, para mukallaf perlu bersedia membaiki solatnya bagi keberkesanannya akhlak dari sudut zahir mahupun batin dapat dirasai agar setiap mukallaf akan terus maju di dunia dan di akhirat.

BIBLIOGRAFI

- Anisah Ab. Ghani (2001). *Konsep dan Pengamalan Solat*. Al-Hidayah Publishers.
- Mustafa Masyhur (1987), *Bekalan di Sepanjang Jalan Dakwah*, Mohd Tahir Daeng Mengati (terj). Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 129.
- Abdullah Nasih ‘Ulwan. *Tarbiyyat al-Awlad fi al-Islami*. Kaherah: Dar al-Salam. Jilid 1, 2002.
- Abd. Rasyid Hj. Ahmad (1995), *Aspek-aspek Pendidikan Dalam Solat*, Jurnal Usuluddin, Bil. 2
- Mohd Najib Ghafar (1999), *Penyelidikan Pendidikan*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bharu.
- Sidek Mohd Noah (2002), *Reka Bentuk Penyelidikan falsafah, Teori dan Praktis*, Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- F. Kerlinger, (1973), *Foundation of Behavior Research*. New York: Holt Rinehart a Deobold P. Van Dalen (1979), *Understanding Education Research : An Introduction*. Diterjemah oleh Abdul Fattah Abdul Malik dan Majid Konting (1999), *Memahami Penyelidikan Pendidikan*, Universiti Putra Serdang.
- Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim : Penerbi Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009, ms 106.
- Marohaini Yusuf (2001), *Penyelidikan Kuanlitatif, Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* (Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001), ms39
- Marohaini Yusuf, *Pertimbangan Kritikal dalam Perlaksanaan Kajian kes secara Kualitatif, dalam Morohani (ed) Penyelidikan Kualitatif : Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. ms 35-36.
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2002) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Udah Mohsin (1986) *Kesan Ibadah dalam Pembentukan Akhlak seorang Muslim*, cetakan ke-2, Shah Alam Selangor : Penerbitan Hizbi